



# جباٰن کهٰکیم شرعيۃ مالیسیا

## JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA (JKSM)

Ruj. Tuan :  
Ruj. Kami : JKSM/100-24/5 (18)  
Takwim : 14 Jamadil Akhir 1423  
Tarikh : 23 Ogos 2002

Y.A.A. Ketua-Ketua Hakim Syarie,  
Mahkamah- mahkamah Syariah Negeri-negeri

### Arahan Amalan No. 8 Tahun 2002

#### Tempoh Masa Pengemukaan Nota Perbicaraan bagi Maksud Rayuan

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia Bil.3 Tahun 2002 pada 7 Mei 2002 di Johor Bahru bersamaan 25 Safar 1423 telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan amalan berhubung tempoh masa pengemukaan Nota Perbicaraan setelah suatu notis rayuan difailkan terhadap perintah atau keputusan Mahkamah, nota perbicaraan dan alasan penghakiman hendaklah disediakan tidak lewat daripada 6 minggu oleh Hakim Bicara bagi membolehkan Pihak Perayu menyediakan memorandum rayuan untuk disertakan dalam Rekod Rayuan.

Arahan amalan ini berkuatkuasa 1 Jun 2002.

(Dato' Sheikh Ghazali Bin Hj. Ab. Rahman)  
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie  
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

PUTRAJAYA  
2002